

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Sistem Ekonomi Islam dan Dasar Belanjawan* oleh Dr. Hailani Muji Tahir. Selangor: al-Rahmaniah, 1991, 334 hlm. Diulas oleh Dr. Sanep Ahmad.

Struktur ekonomi semasa menjadi bertambah kompleks. Ia kini bukan sahaja mempunyai asas kegiatan ekonomi yang bertambah luas dan pelbagai, tetapi juga mempunyai sistem pengurusan ekonomi yang bertambah kompleks. Persoalan ini dipersulitkan lagi dengan pengasingan antara urusan pemerintahan negara dengan urusan agama. Keadaan ini menjadi satu aliran bahawa pentadbiran negara diurus oleh ahli politik, manakala urusan agama diurus oleh kadi dan imam. Tanggapan ini seterusnya membawa kepada pengasingan antara fungsi dan pentadbiran baitulmal dengan perbendaharaan negara. Akhirnya, fungsi baitulmal telah disempitkan hanya kepada hal-ehwal yang bersangkutan dengan agama Islam sahaja. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah fungsi Baitulmal adalah begitu sempit sekali, sedangkan kita mengetahui bahawa ia merupakan salah satu institusi terpenting dalam pentadbiran Islam.

Adalah tidak mungkin bahawa sebagai salah satu institusi terpenting dalam sistem pentadbiran Islam, ia mempunyai fungsi yang begitu terhad. Jadi, salah faham serta penyelewengan terhadap fungsi sebenar Baitulmal ini perlu diperbetulkan. Oleh yang demikian, satu pendedahan tentang fungsi sebenar Baitulmal sebagai perbendaharaan negara Islam perlu dilakukan. Atas kesedaran inilah penulis cuba menerangkan dan mendedahkan fungsi sebenar Baitulmal sebagai sebuah institusi yang mengurus perbendaharaan negara Islam.

### ISI KANDUNGAN/PERBINCANGAN

Perbincangan dalam buku ini dibahagikan kepada empat bab utama. Bab pertama menjelaskan secara umum tentang sistem ekonomi Islam. Ia menyentuh mengenai konsep dan falsafah serta pembahagian sektor ekonomi. Perincian tentang pembahagian sektor ekonomi telah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu ekonomi politik, ekonomi perdagangan dan ekonomi kemasyarakatan telah dilakukan dengan baik, tetapi ia tidak membincangkan persoalan tentang urusan ekonomi sebagai sebuah cabang dalam ilmu fiqh. Perbincangan tentang perkara ini dirasakan penting supaya pembaca bertambah yakin bahawa urusan ekonomi adalah sebahagian daripada urusan ilmu agama. Bab kedua pula memfokuskan perbincangan kepada hasil pendapatan atau sumber kewangan negara yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumber perolehan daripada harta khas dan harta am. Kaedah umum

percukaian juga dibincangkan dalam bab ini. Secara umumnya, bab ini dapat memberi maklumat yang baik kepada pembaca mengenai punca pendapatan negara dari perspektif Islam.

Bab ketiga membincangkan prinsip umum pengagihan pendapatan negara. Dalam bab ini dijelaskan bahawa bagi pendapatan daripada harta khas, golongan yang berhak serta bahagian masing-masing telah ditetapkan. Tetapi bagi pendapatan daripada harta am, golongan penerima serta jumlah atau bahagiannya tidak dinyatakan secara khusus. Ini bergantung pada kebijaksanaan pemerintah dan biasanya pemerintah mempunyai dasar umum tentang mana-mana jenis perbelanjaan yang perlu diberi keutamaan. Umumnya, keutamaan akan diberi kepada perbelanjaan untuk menjamin asas jaminan sosial, memenuhi prasarana pembangunan, projek kepentingan ramai dan pelaburan. Bab terakhir, iaitu bab empat, memaparkan fungsi sebenar Baitulmal meliputi organisasi, struktur pentadbiran dan fungsinya, khususnya sebagai per-bendaharaan negara.

#### ULASAN

Penulis berjaya menjelaskan dan menunjukkan bahawa fungsi Baitulmal yang sebenarnya bukanlah hanya setakat mengurus wang zakat sebagaimana yang difahami, tetapi meliputi semua aspek perbelanjaan negara. Baitulmal sebenarnya bertanggungjawab sebagai pengurus kewangan negara secara menyeluruh dan berperanan sebagai agen pembangunan, memberi pinjaman, menerima simpanan, sebagai tempat penjelasan tukaran wang, badan amanah, badan penasihat dan badan pengawas.

Dilihat dari segi penyampaian dan gaya persembahan, bolehlah dikatakan bahawa penulis menggunakan bahasa yang mudah, tepat, dan tidak berbelit-belit. Apa yang ingin disampaikan mudah difahami. Dari segi isi perbincangan pula, boleh dikatakan bahawa perbincangan adalah berbentuk akademik. Ia dirasakan sesuai bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, khususnya mereka dari aliran ekonomi bagi mengetahui fungsi dan peranan sebenar Baitulmal serta menyedari bahawa urusan ekonomi adalah satu urusan yang berkaitan dengan agama. Buku ini juga amat baik untuk bacaan pelajar aliran agama dan juga pegawai di jabatan agama supaya dapat memahami bahawa tugas mereka bukanlah setakat mengurus zakat atau mengendalikan hal agama secara langsung sahaja, tetapi juga meliputi aspek fizikal dan ekonomi kebajikan masyarakat secara meluas.

Pembaca umum yang tidak mempunyai latar belakang ekonomi atau tidak berlatarbelakangkan agama dan hanya mengetahui serba sedikit pengetahuan tentang Baitulmal akan merasakan bahawa buku ini adalah sebuah buku yang sukar difahami. Ringkasnya, buku ini amat menepati kehendak pelajar di institusi pengajian tinggi serta golongan yang berpengetahuan asas tentang

Baitulmal dan dasar belanjawan negara, tetapi kurang sesuai untuk bacaan umum.

Buku ini akan menjadi lebih menarik jika dapat mengambil kira beberapa perkara berikut:

1. Memasukkan bab khusus yang membincangkan isu belanjawan semasa, seperti aplikasi dan penggunaan alat dasar fiskal Islam untuk mencapai sasaran perkembangan ekonomi, guna tenaga penuh dan kestabilan harga serta persoalan tentang dasar belanjawan Islam dan dasar belanjawan untuk rakyat.
2. Oleh sebab dasar belanjawan biasanya akan digandingkan dengan dasar kewangan dalam pelaksanaannya, maka perbincangan buku ini akan menjadi lebih sempurna jika ia menyentuh tentang dasar kewangan, khususnya bagaimana Baitulmal boleh berperanan dalam pengendalian dasar kewangan serta perbincangan tentang persoalan bagaimana Baitulmal boleh mengawal alat dalam dasar kewangan.
3. Oleh sebab kesedaran tentang kesamaan fungsi baitulmal dan perbendaharaan negara semakin baik, maka boleh juga dimuatkan perbincangan tentang kemungkinan menjadikan perbendaharaan negara sebagai Baitulmal atau sebaliknya. Begitu juga dengan isu seperti kesesuaian perbendaharaan negara sebagai pemungut zakat.

Tambahan-tambahan tersebut akan dapat menjadikan buku ini satu buku rujukan yang amat lengkap dan baik sama ada untuk mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan agama mahupun yang berlatarbelakangkan pendidikan ekonomi.

Fakulti Ekonomi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan